

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN SOALAN BUKAN JAWAB LISAN**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]**

**TARIKH :**

**SOALAN :**

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sejauh manakah penjana-penjana elektrik di Manjung menyumbang kepada pencemaran udara dan air dan peningkatan hawa di kawasan Manjung, Perak.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Terdapat tiga stesen jana kuasa elektrik yang sedang beroperasi di kawasan Manjung, Perak. Berdasarkan kepada rekod pemantauan Jabatan Alam Sekitar, sehingga kini, pengoperasian stesen jana kuasa tidak menyumbang kepada pencemaran udara dan air serta peningkatan hawa di kawasan Manjung, Perak.

Status kualiti udara di kawasan Manjung pada 1 Januari hingga 30 April 2015 masih berada pada tahap baik dan sederhana. Manakala pada tahun 2014, secara keseluruhannya status kualiti udara di kawasan tersebut berada pada tahap baik iaitu bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) berada di bawah paras IPU 50 pada kebanyakan masa.

Melalui pemantauan kualiti udara secara berterusan yang dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), agensi di bawah Kementerian ini, pada 2014 kawasan di Manjung, Perak didapati bilangan hari yang mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik di kawasan Manjung adalah sebanyak 230 hari berbanding sebanyak 251 hari yang dicatatkan pada tahun 2013 iaitu terdapat pengurangan sebanyak 8.3 %. Punca

pengurangan ini pada tahun 2014 adalah disebabkan pencemar habuk halus PM<sub>10</sub> (*particulate matter with less than 10 micron in diameter*) dari kebakaran terbuka dalam negara pada bulan Mac 2014 dan terdapat juga episod jerebu merentas sempadan dari Sumatera, Indonesia semasa musim monsun barat daya (Jun hingga September). Sehubungan itu, pengurangan bilangan hari yang mencatatkan kualiti udara pada tahap baik di Manjung, Perak bukan disebabkan oleh pengoperasian jana kuasa elektrik.

Sekian, terima kasih.